

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HKP 213/NSK 014 Penulisan Kreatif I

Masa: [2 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan, SOALAN NO SATU [1] WAJIB dijawab.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Anda dikehendaki menyediakan sebuah rangka novelet berasaskan saranan-saranan berikut:
  - (a) Tema: krisis keluarga
  - (b) Watak: tidak lebih dari 6 orang
  - (c) Latar tempat: kampung
  - (d) Latar masa: sekarang
  - (e) Tidak kurang dari 5 Bab
  
2. 'Soliloquy' adalah satu teknik penulisan fiksyen yang jarang digunakan oleh penulis di Malaysia. Berdasarkan sebuah karya tertentu dari Malaysia/Indonesia berikan pandangan anda apakah kebaikan dan keburukan teknik tersebut yang dapat anda kesan dari karya berkenaan.
  
3. Terdapat beberapa cara yang sesuai untuk memulakan sebuah karya fiksyen. Sebutkan lima daripada cara berkenaan dengan contoh yang mengandungi tidak lebih dari 50 perkataan setiap satu.

4. "Penulis sering mendapat pertanyaan yang sulit dari orang, bahkan dari dirinya sendiri. Pertanyaan itu seperti: Kenapa anda menulis, bagaimana anda menulis, pada waktu anda menulis cerita A, apa yang anda bayangkan dan sekian banyak pertanyaan seperti itu lagi. (Umar Kayam)

Bincangkan pernyataan di atas dengan mengambil kira reaksi anda sendiri andainya anda berhadapan dengan soalan-soalan seperti yang disebutkan.

5. "Tema tak pernah menjadi obsesi saya. Saya selalu berusaha mengingatkan diri saya bahawa apa saja bisa ditulis menjadi karya yang baik. Dan selama ia merupakan karya yang baik dan bernilai, pasti ia berguna." (Abdul Hadi W.M.)

Apakah pandangan anda tentang pernyataan di atas?

6. "Semua karya kreatif sastera bermula dari satu titik: idea. Yang membezakan antara cerpen atau sajak atau novel ialah jenis-jenis idea itu menjadi salah satu karya. Novel lebih luas pengembangan ideanya, lebih banyak rangkaian adegan dan babak. Jumlah watak dalam novelpun biasanya lebih banyak kalau dibandingkan dengan cerpen." (Shahnon Ahmad)

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

-ooooOOoooo-